

# Bendera simbol perpaduan negara

**IPOH:** Bendera bukan sekadar simbolik perpaduan negara, sebaliknya simbol amanah perjuangan orang terdahulu bagi memastikan warisan negara terus dipertahan.

Menteri Besar Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia menghayati setiap nilai bendera tersebut.

Katanya Jalur Gemilang menyentuh perlembagaan negara dan perpaduan masyarakat.

"Kehangatan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini agak berbeza dan ia akan memberi impak besar dalam kalangan rakyat Malaysia kerana kesan pandemik Covid-19.

"Tiada sambutan besar-besaran dilakukan, kerajaan mengehadkan jumlah penyertaan maksimum 250 orang di setiap majlis atau program bagi mengawal penyebar-



**Menteri Besar Perak mengibar Jalur Gemilang.**

ran Covid-19," katanya pada Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri 2020 di Bangunan Darul Ridzuan Selasa lepas.

Pada program itu menteri besar melakukan 'flag off' Kembara Merdeka Jalur Gemilang.

Turut hadir Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Penasihat Undang-un-

dang Azmir Shah Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Dato' Zulazlan Abu Hassan dan anggota-anggota Exco.

Ahmad Faizal juga berkenan, sambutan tahun ini berbeza dengan menggabungkan sambutan secara fizikal dan maya seiring Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Namun katanya, ia tidak menjadi penghalang rakyat Perak menyambut Bulan Kebangsaan.